

Perkara Ke-Sebelas:

Membaca Di Hadapan Orang Alim Sama Seperti Mendengar Daripadanya

(أخبرنا dan حدثنا tidak ada perbedaaan di antara)

Tradisi meriwayatkan hadits dan menerimanya telah berlangsung dengan begitu ringkas sekali di zaman Rasulullah s.a.w. dan para sahabatnya. Para sahabat yang mendengar sesuatu hadits meriwayatkannya kepada sahabat lain yang tidak mendengarnya dan juga kepada para Tābi`īn yang menjadi murid-murid mereka.

Para sahabat bukan sahaja meriwayatkan apa yang didengarnya daripada Nabi s.a.w. Mereka juga turut meriwayatkan kepada orang-orang lain apa sahaja yang disaksikan oleh mereka telah dilakukan oleh Rasulullah s.a.w. (أفعال الرسول) atau diperakui Baginda (تقريرات الرسول).

Pada umumnya apa yang diriwayatkan oleh mereka itu tidak bertulis. Para sahabat dan Tabi`īn kebanyakannya semata-mata bergantung kepada apa yang diingat dan dihafal oleh mereka daripada hadits-hadits Nabi s.a.w. Zaman pembukuan hadits secara agak meluas belum lagi bermula pada masa itu.

Di zaman Tābi`ī at-Tābi`īn barulah bermula penulisan dan pembukuan kitab-kitab hadits secara meluas. Imam Malik sebagai contohnya menulis kitabnya al-Muwattha' dan meriwayatkan hadits-hadits Rasulullah s.a.w. dan atsār para sahabat yang dikumpulnya di dalam kitab tersebut kepada murid-muridnya.

Bersama hadits-hadits Rasulullah s.a.w. dan atsar-atsar para sahabat serta atsar-atsar para Tābi`īn itu disertakan juga sanadnya.

Apabila selesai kandungan sebuah kitab hadits disampaikan oleh seseorang penulis kitab hadits kepada murid-muridnya, ia akan mengijazahkan (membenarkan) kepada mereka untuk menyebarkannya kepada orang-orang lain dengan sanad yang tercatat di dalam kitab berkenaan.

Pada ketika sistem penyampaian hadits dengan cara itu mula-mula diperkenalkan, ada juga 'ulama' yang tidak membenarkannya. Bagaimanapun kebanyakan tokoh-tokoh

muḥadditsīn membenarkannya. Mereka bukan sahaja membenarkannya malah menyebarkan lagi sistem itu.

Antara alasan mereka membenarkannya ialah terdapatnya beberapa peristiwa di mana Rasulullah s.a.w. menghantar sahabat-sahabatnya kepada qabilah-qabilah tertentu untuk menyampaikan ajaran-ajaran agama Islam kepada mereka.

Setelah ajaran-ajaran utama agama Islam disampaikan kepada mereka oleh para sahabat, mereka menghantar wakil kepada Rasulullah s.a.w. di Madinah untuk memastikan kebenaran apa yang disampaikan oleh para sahabat itu kepada mereka.

Mereka memperdengarkan semua ajaran yang telah disampaikan oleh sahabat-sahabat yang diutuskan kepada mereka. Setelah mendengar semuanya, Nabi s.a.w. memperakui dan mengesahkannya.

Peristiwa-peristiwa seperti itulah yang dijadikan dalil oleh golongan 'ulama' yang membenarkan cara penyampaian hadits yang baru diperkenalkan pada masa itu. Perinciannya dapat dilihat di dalam Shaḥīḥ Bukhārī pada باب ما جاء في العلم sebagai contohnya.

Imam at-Thaḥāwī telah menulis satu risalah khusus mengenai topik ini, namanya ialah التسمية بين حدثنا وأخبرنا (Tidak ada perbedaaan di antara حدثنا dan أخبرنا). Walaupun risalah itu tidak dicetak hingga kini, tetapi Ibnu 'Abdīl Barr telah mengemukakan intipatinya di dalam kitab beliau جامع بيان العلم وفضله.

As-Suyūthī di dalam Tadrīb ar-Rāwī mengemukakan tiga pandangan 'ulama' mengenai perkara ini:

(1) Imam Malik, para 'ulama' Madinah, 'ulama' Kufah dan lain-lain berpendapat kedua-dua cara penyampaian hadits menggunakan dua lafaz tersebut (أخبرنا dan حدثنا) itu sama sahaja. Kedua-duanya boleh digunakan tanpa melebihkan salah satu daripadanya.

(2) Muḥadditsīn dari negeri-negeri sebelah timur pada umumnya melebihkan cara pertama iaitu penggunaan lafaz حدثنا. Hafīz Ibn Hajar berpendapat, cara pertama dianggap lebih apabila guru dan murid setaraf atau murid lebih afdhal daripada

gurunya. Dalam keadaan guru lebih afdhal dari murid pula cara kedua (penggunaan lafaz أَخْبَرْنَا) dianggap lebih afdhal.

(3) Imam Abu Hanifah, Ibnu Abi Dzi'b dan lain-lain pula berpendapat cara kedua (penggunaan lafaz أَخْبَرْنَا) lebih afdhal. Alasan mereka ialah kalau guru yang membaca dan kebetulan berlaku kesilapan, maka pada kebiasaannya murid tidak akan menegurnya. Berbeza keadaannya kalau murid yang membaca dan berlaku kesilapan dalam pembacaannya, guru tanpa berasa keberatan akan menegurnya dengan mudah.

Dalam sistem pengajian hadits hari ini, khususnya di benua kecil India, muridlah biasanya membaca di hadapan guru. Guru jarang sekali membaca.

Terdapat tiga lafaz (sighah) selalunya digunakan dalam penyampaian hadits, iaitu: أَخْبَرْنَا, أَنْبَأْنَا dan حَدَّثَنَا. Adakah ketiga-tiganya sama sahaja atau ada perbezaan di antaranya? Imam Tirmidzi akan mengemukakan tujuh riwayat nanti. Keterangan tentang ada atau tidak perbezaan di antara tiga lafaz tersebut akan diterangkan nanti di celah-celahnya.

قَالَ أَبُو عِيسَى وَالْقِرَاءَةُ عَلَى الْعَالَمِ إِذَا كَانَ يَحْفَظُ مَا يُقْرَأُ عَلَيْهِ أَوْ يُمْسِكُ أَصْلَهُ فِيمَا يُقْرَأُ عَلَيْهِ إِذَا لَمْ يَحْفَظْ هُوَ صَحِيحٌ عِنْدَ أَهْلِ الْحَدِيثِ مِثْلُ السَّمَاعِ

Bermaksud: Kata Abu `Isa, “Membaca di hadapan orang alim (muhaddits) jika ia hafal apa yang dibaca di hadapannya atau ia memegang kitabnya ketika dibaca di hadapannya jika ia tidak hafal, sah (sah) di sisi Ahlul Hadits seperti mendengar daripadanya.”¹⁰⁸

١- حَدَّثَنَا حُسَيْنُ بْنُ مَهْدِيٍّ الْبَصْرِيُّ حَدَّثَنَا عَبْدُ الرَّزَّاقِ أَخْبَرَنَا بْنُ جَرِيرٍ قَالَ قَرَأْتُ عَلَى عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَاحٍ فَقُلْتُ لَهُ كَيْفَ أَقُولَ فَقَالَ قُلْ حَدَّثَنَا.

٢- حَدَّثَنَا سُؤَيْدُ بْنُ نَصْرٍ أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ وَاقِدٍ عَنْ أَبِي عَصَمَةَ عَنْ يَزِيدَ النَّخْوِيِّ عَنْ عِكْرِمَةَ أَنَّ نَفَرًا

¹⁰⁸ Imam at-Tirmidzi juga berpendapat kedua-dua cara meriwayatkan hadits itu sah dan sama sahaja, sama ada dengan guru membaca di hadapan murid atau murid membaca di hadapan guru. Cuma dalam keadaan guru tidak hafal riwayatnya, apabila riwayatnya dibaca atau diperdengarkan kepadanya, mestilah kitab yang mengumpulkan riwayat-riwayat itu ada di hadapannya.

قَدُمُوا عَلَى بْنِ عَبَّاسٍ مِنْ أَهْلِ الطَّائِفِ بِكِتَابٍ مِنْ كُتُبِهِ فَجَعَلَ يَقْرَأُ عَلَيْهِمْ فَيَقْدُمُ وَيُؤَخِّرُ فَقَالَ إِنِّي بَلَّيْتُ (بَلَّيْتُ) هَذِهِ الْمُصْبِيَةَ فَاقْرَءُوا عَلَيَّ فَإِنْ إِقْرَارِي بِهِ كَقَرَارِي عَلَيْكُمْ

٣- حَدَّثَنَا سُؤَيْدُ بْنُ نَصْرٍ أَخْبَرَنَا عَلِيُّ بْنُ الْحُسَيْنِ بْنِ وَاقِدٍ عَنْ أَبِيهِ عَنْ مَنْصُورِ بْنِ الْمُعْتَمِرِ قَالَ إِذَا نَازَلَ الرَّجُلُ كِتَابَهُ آخَرَ فَقَالَ إِرْوُ هَذَا عَلَيَّ فَلَهُ أَنْ يَرَوِيَهُ.

Bermaksud: Kata Abu `Isa at-Tirmidzi:

1- “Husain bin Mahdi al-Bashri meriwayatkan kepada kami, katanya, `Abdur Razzāq meriwayatkan kepada kami, katanya, Ibnu Juraij meriwayatkan kepada kami, katanya, “Aku membaca di hadapan `Athā’ bin Abi Rabāh, lalu aku berkata kepadanya, “Bagaimana harus saya ucapkan (apabila hendak menyampaikannya kepada orang lain)?” Jawab `Athā’, “Katakan حَدَّثَنَا (dia telah menyampaikan hadits ini kepada kami.”¹⁰⁹

2- Suwaid bin Nashr meriwayatkan kepada kami, katanya, `Ali bin al-Husain bin Wāqid meriwayatkan kepada kami daripada Abi `Ishmāh daripada Yazid an-Nahwi daripada `Ikrimah,<sup>110</sup> katanya, “Sesungguhnya ada sekumpulan orang Thā’if datang menemui Ibnu `Abbaas dengan membawa salah satu kitab beliau.¹¹¹ Maka (kerana

¹⁰⁹ Riwayat ini menunjukkan bagi `Athā’ kedua-dua lafaz penyampaian hadits (صيغة الأداء) itu sama sahaja. Anda boleh saja memakai lafaz حَدَّثَنَا atau أَخْبَرَنَا ketika meriwayatkan hadits guru anda. Padahal kalau mengikut pandangan golongan ‘ulama’ yang mengatakan ada perbezaan di antara dua istilah tersebut, sepatutnya `Athā’ menyuruh Ibnu Juraij menggunakan lafaz أَخْبَرَنَا, kerana Ibnu Juraij yang membacanya di hadapan beliau. Ini kerana lafaz حَدَّثَنَا dipakai ketika meriwayatkan hadits yang diterima daripada guru dengan guru membacanya di hadapan murid, dan أَخْبَرَنَا pula dipakai ketika meriwayatkan hadits yang diterima daripada guru dengan murid membaca di hadapannya.

¹¹⁰ Atsar Ibnu `Abbaas yang dikemukakan oleh Tirmidzi daripada `Ikrimah ini tidak sahih. Di dalam isnadnya ada Abu `Ishmāh al-Marwazi iaitu Nūh bin Abi Maryam. Dia meriwayatkan hadits daripada az-Zuhri dan orang-orang seperingkat dengannya. Bukhari berkata tentangnya, “Munkarul ḥadits.” Nūh bin Abi Maryam ini digelar dengan al-Jāmi’ (pengumpul). Kata Ibnu Hibbaan, “Dia mengumpulkan segala benda kecuali kebenaran.” Nūh bin Abi Maryam terkenal sebagai pendusta dan pereka hadits. (Lihat Mizān al-Itidāl j.4 m/s 279, Tahdzīb at-Tahdzīb j.10 m/s 486).

¹¹¹ Riwayat ini menunjukkan Ibnu `Abbaas telah pun menulis dan mencatat hadits-hadits Nabi s.a.w. sehingga menjadi sebuah buku. Buku yang ditulis beliau itu telah pun tersebar semasa beliau masih hidup lagi. Orang-orang Thā’if kiranya telah mendapat salinan buku hadits yang

kelemahan penglihatannya) beliau membaca kitabnya itu di hadapan mereka dengan tidak teratur. Lalu beliau (Ibnu `Abbaas) berkata, “Sebenarnya saya telah terperangkap dalam (/ telah diuji dengan) musibah ini (kelemahan penglihatan). Oleh itu, biar kamulah yang membacanya di hadapanku, kerana pengesahanku sama juga dengan aku membaca di hadapanmu.”¹¹²

3- Suwaid bin Nashr meriwayatkan kepada kami, katanya, `Ali bin al-Husain bin Wāqid meriwayatkan kepada kami daripada ayahnya daripada Manshūr bin al-Mu`tamir, kata beliau, “Apabila seseorang memberikan kitabnya kepada seseorang yang lain dan dia berkata, “Engkau riwayatkanlah apa yang ada di dalamnya daripadaku.” Maka bolehlah orang yang diberikan kitab itu kepadanya meriwayatkannya.”¹¹³

٤- وَسَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ إِسْمَاعِيلَ يَقُولُ سَأَلْتُ أَبَا عَاصِمٍ النَّبِيلَ عَنْ حَدِيثٍ فَقَالَ أَفَرَأَى عَلِيٌّ فَأَخْبَيْتُ أَنْ يَقْرَأَ هُوَ

فَقَالَ أَنْتَ لَا يُجِيزُ الْقِرَاءَةَ وَقَدْ كَانَ سُفْيَانُ الثَّوْرِيُّ وَمَالِكُ بْنُ أَنَسٍ يَجِيزَانِ الْقِرَاءَةَ.

(الْفَرْقَ بَيْنَ أَخْبَرْنَا وَحَدَّثْنَا)

٥- حَدَّثَنَا أَحْمَدُ بْنُ الْحُسَيْنِ حَدَّثَنَا يَحْيَى بْنُ سُلَيْمَانَ الْجَعْفِيُّ الْبَصْرِيُّ قَالَ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ وَهَبٍ مَا قُلْتُ حَدَّثْنَا

ditulis oleh Ibnu `Abbaas itu. Untuk mendapat kepastian dan pengesahan daripada Ibnu `Abbaas sendiri, di samping mahukan sanad yang lebih tinggi, mereka pergi bertemu Ibnu `Abbaas.

Riwayat ini menunjukkan Ibnu `Abbaas pada mulanya cuba membaca sendiri buku yang dibawa oleh mereka kepadanya. Tetapi kerana kelemahan penglihatan, beliau menyuruh mereka saja membacanya. Dalam keadaan itu bacaan merekalah yang dianggap lebih baik oleh Ibnu `Abbaas. Selain dari itu, Ibnu `Abbaas juga berpendapat sama sahaja kedua-dua cara penerimaan hadits tersebut. Kerana itulah beliau berkata, “Pengesahanku terhadap apa yang kamu baca di hadapanku sama juga dengan aku membaca di hadapanmu.”

¹¹² Riwayat ini juga menunjukkan di kalangan sahabat telah pun ada orang mempunyai kitab tersendiri yang mengumpulkan hadits-hadits Rasulullah s.a.w. Sama ada yang diterimanya secara langsung daripada Rasulullah atau yang diterimanya dengan perantaraan sahabat-sahabat lain. Buku-buku mereka itu bahkan telah tersebar dengan agak meluas di kalangan generasi Tabi`in.

¹¹³ Pemberian kitab hadits kepada seseorang di samping mengijazahkan kepadanya untuk meriwayatkan hadits-hadits yang terkandung di dalamnya daripada pemberi menurut istilah di panggil الرواية بالمناولة المقرونة بالإجازة. Ia adalah salah satu cara penerimaan hadits yang dibenarkan dan mu`tabar dengan kesepakatan para `ulama` hadits. Perbincangan yang lebih terperinci tentangnya akan dikemukakan di bawah perkara ke-12 nanti.

فَهُوَ مَا سَمِعْتَ مَعَ النَّاسِ وَمَا قُلْتَ حَدَّثَنِي فَهُوَ مَا سَمِعْتَ وَحْدِي وَمَا قُلْتَ أَخْبَرْنَا فَهُوَ مَا قَرَأْتُ عَلَى الْعَالَمِ وَأَنَا شَاهِدٌ وَمَا قُلْتَ أَخْبَرَنِي فَهُوَ مَا قَرَأْتُ عَلَى الْعَالَمِ.

٦- سَمِعْتُ أَبَا مُوسَى مُحَمَّدَ بْنَ الْمُثَنَّى يَقُولُ سَمِعْتُ يَحْيَى بْنَ سَعِيدٍ الْقَطَّانَ يَقُولُ حَدَّثَنَا وَأَخْبَرَنَا وَاحِدٌ

٧- قَالَ أَبُو عِيسَى كُنَّا عِنْدَ أَبِي مُصْعَبٍ الْمَدِينِيِّ فَقَرَأَ عَلَيْنَا بَعْضَ حَدِيثِهِ فَقُلْتُ لَهُ كَيْفَ تَقُولُ فَقَالَ قُلْ حَدَّثَنَا أَبُو مُصْعَبٍ.

Bermaksud: Kata Abu `Isa at-Tirmidzi:

4- Dan aku mendengar Muhammad bin Isma`il berkata, aku bertanya Abu `Aashim an-Nabīl tentang satu hadits, maka beliau berkata, “Bacalah di hadapanku.” Aku pula (lebih) suka kalau dia sendiri yang membaca. Ketika itu beliau berkata, “Adakah engkau tidak membenarkan (mengharuskan murid) membaca (di hadapan guru)? Sedangkan Sufyan ats-Tsauri dan Malik bin Anas membenarkannya.”¹¹⁴

Perbezaan Di Antara Istilah حدثنا Dan أخبرنا

5- Ahmad bin Hûsain meriwayatkan kepada kami, katanya: Yahya bin Sulaiman al-Ju`fi al-Mishri meriwayatkan kepada kami, katanya: `Abdullah bin Wahab berkata: “Apa (hadits) yang aku kata: حدثنا (ketika menyampaikannya), bererti apa yang aku dengar bersama orang-orang lain. Apa (hadits) yang aku kata: حدثني (ketika menyampaikannya), bererti apa yang aku dengar seorang diri. Apa (hadits) yang aku kata: أخبرنا (ketika menyampaikannya), bererti apa yang dibaca di hadapan orang alim (muḥaddits) dan aku ada bersama. Dan apa (hadits) yang aku kata: أخبرني (ketika menyampaikannya), bererti apa yang aku (sendiri) baca di hadapan orang alim (guru muḥaddits) dalam keadaan aku seorang diri.

¹¹⁴ Muhammad bin Isma`il yang tersebut di dalam sanad ini ialah Imam Bukhari. Imam Bukhari bukan sekadar bertanya tentang hadits berkenaan malah beliau juga berhasrat agar Abu `Aashim an-Nabil menyampaikannya kepada beliau. Kata-kata Abu `Aashim kepada Imam Bukhari pula menunjukkan bagi Sufyan ats-Tsauri dan Malik, dua tokoh tersohor di zaman sebelum zaman Imam Bukhari, kedua-dua cara penerimaan dan penyampaian hadits tersebut sama sahaja.

6- Aku mendengar Aba Musa Muhammad bin al-Mutsanna berkata, aku mendengar Yahya bin Sa'id al-Qatthān berkata: “أخبرنا dan حدثنا itu sama (sahaja).”¹¹⁵

7- Kata Abu 'Isa, pernah aku berada di samping Abi Mush'ab al-Madīni, lalu dibaca di hadapannya beberapa haditsnya. Maka aku bertanya: “Bagaimana kami akan kata (apabila hendak meriwayatkannya kepada orang lain)?” Jawab beliau: “Katalah حدثنا Abu Mush'ab.”¹¹⁶

Perkara Ke-duabelas:

Keharusan Meriwayatkan Hadits Yang Diterima Secara Munawalah Yang Disertai Ijazah

Makna asal munawalah ialah memberi atau menyerahkan. Seorang guru memberikan sebuah nuskah asal kepada muridnya, atau salinan yang sudah diteliti dan diperbetulkannya untuk diriwayatkan. Lalu dia berkata, “Di dalam buku ini saya meriwayatkan daripada fulan dan fulan, dan saya mengijazahkan kepadamu untuk meriwayatkannya dengan sanad saya.

¹¹⁵ Salah satu daripadanya boleh saja digunakan ketika menyampaikan hadits, sama ada hadits itu diterima dengan guru membacanya atau murid membacanya.

Imam Sufyan bin 'Uyainah bahkan membenarkan lafaz أخبرنا, أنبأنا dan سمعت digunakan ketika menyampaikan hadits, sama ada hadits itu diterima dengan guru membacanya atau murid membacanya. Salah satu daripadanya boleh saja digunakan di tempat yang lain.

Imam bukhari berdalil dengan hadits Ibnu 'Umar yang meriwayatkan tentang teka-teki Nabi s.a.w. dalam satu majlis yang diadhihirinya, ayahnya ('Umar) dan lain-lain sahabat. Nabi s.a.w. telah bertanya para hadirin di dalam majlis itu dengan katanya: “Di antara sekian banyak pokok, ada satu pokok yang tidak luruh daun-daunnya, ia menyerupai orang Islam.” Lalu baginda bersabda: فحدثوني ما هي (tolong kamu ceritakan pokok apakah itu?).

Demikianlah tersebut dalam salah satu saluran riwayat. Dalam satu saluran riwayat yang lain tersebut baginda bersabda: أخبروني (beritahulah kepadaku). Sementara dalam satu saluran riwayat yang lain pula baginda bersabda: أنبئوني (beritahulah kepadaku). Dengan itu dapatlah difahami bahawa lafaz taḥdīts (حدثنا), ikhbār (أخبرنا) dan imbā' (أنبأنا) itu sama sahaja. Masing-masing daripadanya boleh digunakan dan boleh ditukar-tukar tempat antara satu sama lain.

¹¹⁶ Abu Mush'ab juga antara tokoh hadits yang mengharuskan lafaz حدثنا digunakan di tempat أخبرنا dan lafaz أخبرنا pula digunakan di tempat حدثنا ketika menyampaikan hadits. Padahal menurut orang-orang yang membezakan kedua istilah tersebut dan mengkhususkannya, penggunaan seperti itu tidak dibenarkan.

Inilah bentuk ijazah yang paling tinggi dan paling baik, munawalah yang disertai ijazah atau kebenaran meriwayatkan.

Syarat sah munawalah ialah murid mempunyai kitab asal atau salinannya. Jika murid semata-mata mendapat kebenaran meriwayatkan daripada guru tanpa memiliki kitab asal atau salinannya, maka munawalah seperti itu tidak mu'tabar.

Lafaz yang biasa digunakan dalam munawalah ialah: **هذا سماعي أو روايتي عن فلان فاروه** Ertinya: Ini adalah apa yang telah ku dengar atau riwayatkan daripada si fulan, riwayatkanlah ia daripadaku.

Orang yang menerima hadits secara munawalah pula hendaklah meriwayatkannya dengan berkata: **أنبأنا** atau **أنبأني**.

Ada beberapa lagi cara meriwayatkan hadits daripada kitab selain yang telah diterima secara munawalah. Antaranya ialah:

1- Dengan cara wijadah. Wijadah bererti mendapat atau menemui. Seseorang mendapat atau menemui kitab hadits bersanad yang ditulis oleh seseorang yang lain. Ia yakin berdasarkan tulisan, tanda tangan atau kesaksian dan sebagainya bahawa kitab itu adalah kitab tulisan orang tertentu yang ma'lum. Dalam keadaan ini adakah ia boleh meriwayatkan hadits-hadits yang tertulis di dalamnya daripada pengarangnya atau tidak, sedangkan ia tidak menemui tuannya (pengarangnya)?

Jawapannya ialah ia baru boleh meriwayatkan hadits-hadits yang tertulis di dalam kitab itu daripada pengarangnya jika pengarangnya membenarkan ia meriwayatkannya. Dalam keadaan telah mendapat kebenaran daripada pengarangnya, ketika hendak meriwayatkannya ia boleh menggunakan lafaz **أخبرني**.

Dalam keadaan tidak mendapat kebenaran meriwayatkan daripada pengarangnya pula, ia pada ketika mahu meriwayatkannya hendaklah berkata: **وجدت بخط فلان** (aku telah mendapat berdasarkan tulisan fulan) atau lain-lain ayat seumpamanya. Namun ia tidak boleh berkata: **أخبرني**.

2- Mewasiatkan kitab. Mewasiatkan kitab bererti seseorang guru hadits berwasiat sebelum meninggal dunia bahawa berikan buku hadits dengan sanadku yang tertulis di dalam buku ini kepada si fulan. Orang yang diwasiatkan begitu boleh juga

meriwayatkan hadits-hadits daripada buku berkenaan, dengan syarat orang yang berwasiat membenarkannya meriwayatkan hadits-hadits yang terkandung di dalamnya.

3- I'lām atau memberitahu. Ia bererti seseorang guru hadits memberitahu mana-mana muridnya bahawa aku meriwayatkan apa-apa (hadits) yang terkandung di dalam kitab ini daripada fulan. Murid yang dikatakan begini oleh gurunya juga boleh meriwayatkan hadits yang terkandung di dalam kitab berkenaan jika guru mengizinkannya.

4- Ijazah umum. Ia bererti seseorang guru hadits berkata, aku membenarkan kepada pelajar kelas tertentu atau kepada semua orang-orang Islam meriwayatkan hadits-hadits dengan sanadku.

5- Mengijazahkan kepada seseorang yang majhul. Ia bererti seseorang guru hadits mengijazahkan (membenarkan) kepada seseorang yang tidak ma'lum meriwayatkan hadits-haditsnya. Umpamanya dia berkata, “Aku mengijazahkan kepada seorang pelajar atau seorang yang tsiqah” tanpa menyebut namanya. Atau dengan menyebut namanya, tetapi ada beberapa orang yang bernama seperti nama yang disebutkan, dan tidak jelas mana seorang daripadanya. Seperti dia berkata, “Aku mengijazahkan kepada Muhammad”, sedangkan orang yang bernama Muhammad itu ada beberapa orang.

6- Kebenaran meriwayatkan hadits-hadits yang tidak ma'lum. Apabila seseorang guru hadits membenarkan kepada seseorang meriwayatkan hadits-hadits riwayatnya (dengan sanadnya) tanpa menjelaskan mana-mana daripadanya, itulah yang dimaksudkan dengan kebenaran meriwayatkan hadits-hadits yang tidak ma'lum. Umpamanya dia berkata, “Aku membenarkanmu meriwayatkan daripadaku sebuah kitab hadits atau sebahagian daripada hadits yang didengariku”, sedangkan sebuah kitab hadits itu tidak disebut dan ditentukan namanya. Sebahagian daripada hadits yang didengariku itu juga tidak disebut dan ditentukan yang mana.

7- Mengijazahkan kepada seseorang yang belum wujud. Ia bererti seseorang guru hadits membenarkan seseorang yang tidak wujud atau belum wujud meriwayatkan haditsnya. Umpamanya dia berkata, “Aku membenarkan anak seseorang yang belum lagi lahir meriwayatkan hadits-hadits dengan sanadku.”

Perhatian:

Menurut pendapat yang lebih sahih tidak harus meriwayatkan hadits yang diterima melalui empat cara terakhir yang disebutkan di atas.

قَالَ أَبُو عِيسَى وَقَدْ أَجَازَ بَعْضُ أَهْلِ الْعِلْمِ الْإِجَازَةَ إِذَا أَجَازَ الْعَالَمُ لِأَحَدٍ أَنْ يَرُويَ لِأَحَدٍ عَنْهُ شَيْئًا مِنْ حَدِيثِهِ فَلَهُ أَنْ يَرُويَ عَنْهُ

١- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ غَيْلَانَ حَدَّثَنَا وَكَيْعٌ عَنْ عَمْرَانَ بْنِ حَدِيرٍ عَنْ أَبِي مَجْلَزٍ عَنْ بَشِيرِ بْنِ نُمَيْكٍ قَالَ كَتَبْتُ كِتَابًا عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ فَقَالَتْ أُرْوِيهِ عَنْكَ فَقَالَ نَعَمْ

٢- حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ إِسْمَاعِيلَ الْوَاسِطِيُّ حَدَّثَنَا مُحَمَّدُ بْنُ الْحُسَيْنِ الْوَاسِطِيُّ عَنْ عَوْفِ الْأَعْرَابِيِّ قَالَ قَالَ رَجُلٌ لِلْحَسَنِ عِنْدِي بَعْضُ حَدِيثِكَ أُرْوِيهِ عَنْكَ قَالَ نَعَمْ قَالَ أَبُو عِيسَى وَمُحَمَّدُ بْنُ الْحُسَيْنِ إِنَّمَا يَعْرِفُ بِمَحْبُوبِ بْنِ الْحُسَيْنِ وَقَدْ حَدَّثَ عَنْهُ غَيْرُ وَاحِدٍ مِنَ الْأَثَمَةِ

٣- حَدَّثَنَا الْجَارُودُ بْنُ مَعَاذٍ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ عِيَاضٍ عَنْ عُبَيْدِ اللَّهِ بْنِ عَمْرٍو قَالَ قَالَ أَتَيْتُ الزُّهْرِيَّ بِكِتَابٍ فَقُلْتُ هَذَا مِنْ حَدِيثِكَ أُرْوِيهِ عَنْكَ قَالَ نَعَمْ

٤- حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ عَنْ عَلِيِّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْ يَحْيَى بْنِ سَعِيدٍ قَالَ جَاءَ بَنُ جَرِيحٍ إِلَى هِشَامِ بْنِ غُرُوقَةَ بِكِتَابٍ فَقَالَ هَذَا حَدِيثُكَ أُرْوِيهِ عَنْكَ فَقَالَ نَعَمْ قَالَ يَحْيَى فَقُلْتُ فِي نَفْسِي لَا أَدْرِي أَيُّهُمَا أَعْجَبُ أَمْرًا

٥- وَقَالَ عَلِيُّ سَأَلْتُ يَحْيَى بْنَ سَعِيدٍ عَنْ حَدِيثِ بَنُ جَرِيحٍ عَنْ عَطَاءِ الْخُرَّاسَانِيِّ فَقَالَ ضَعِيفٌ فَقُلْتُ إِنَّهُ يَقُولُ أَخْبَرَنِي فَقَالَ لَا شَيْءَ إِلَّا هُوَ كِتَابٌ دَفَعَهُ إِلَيْهِ

Bermaksud: Kata Abu `Isa at-Tirmidzi: “Sesungguhnya sesetengah ahli ilmu membenarkan ijazah. Apabila seseorang alim (muhaddits) membenarkan seseorang meriwayatkan mana-mana hadits riwayatnya, maka bolehlah orang yang dibenarkan itu meriwayatkan daripadanya.¹¹⁷

1- Mahmud bin Ghailān meriwayatkan kepada kami, katanya: Wakī` meriwayatkan kepada kami daripada `Imrān bin Ḥudair daripada Abi Mijlaz daripada Basyīr bin Nahīk, kata beliau: “Aku telah menulis sebuah buku daripada Abi Hurairah, lalu aku

¹¹⁷ Itulah yang dikatakan munawalah yang disertai ijazah.

berkata kepadanya, “Bolehkah aku meriwayatkannya daripadamu?” Jawab beliau, “Ya.”¹¹⁸

2- Muhammad bin Ismail al-Wāsithi meriwayatkan kepada kami, katanya: Muhammad bin al-Hasan al-Wāsithi meriwayatkan kepada kami daripada ‘Auf al-A`rābi, katanya: Ada seorang lelaki berkata kepada al-Hasan (al-Bashri), “Pada saya ada beberapa haditsmu. Bolehkah saya meriwayatkannya daripadamu?” Jawab al-Hasan, “Ya (boleh).”

Kata Abu ‘Isa, “Muhammad bin al-Hasan yang tersebut di dalam sanad hadits ini sesungguhnya terkenal dengan Maḥbūb bin al-Ḥasan. Bukan seorang imam (hadits) telah meriwayatkan daripadanya.”¹¹⁹

3- Al-Jārūd bin Mu`ādz meriwayatkan kepada kami, katanya: anas bin ‘Iyādh meriwayatkan kepada kami daripada ‘Ubaidillah bin ‘Umar, katanya: “Aku telah membawa sebuah buku kepada az-Zuhri, lalu aku berkata, “Ini adalah sebahagian daripada haditsmu. Bolehkah saya meriwayatkannya daripadamu?” jawab az-Zuhri, “Ya (boleh).”

4- Abu Bakar meriwayatkan kepada kami daripada ‘Ali bin ‘Abdillah daripada Yahya bin Sa`id, katanya: “Ibnu Juraij datang kepada Hisyām bin ‘Urwah dengan membawa sebuah buku, lalu dia berkata, “Ini adalah haditsmu, Bolehkah saya meriwayatkannya daripadamu?” Jawab Hisyām, “Ya (boleh).” Kata Yahya, Maka aku berkata di dalam diriku, “Aku tidak tahu mana satu daripada dua cara itu lebih elok.”¹²⁰

5- Berkata ‘Ali, “Aku bertanya Yahya bin Sa`id tentang hadits Ibnu Juraij daripada ‘Athā’ al-Khurāsāni. Beliau terus menjawab, “Dhaif”. Maka aku berkata, “Sesungguhnya dia berkata أخبرني (ketika meriwayatkan hadits daripadanya).” Kata

¹¹⁸ Apa yang diterima oleh Basyīr bin Nahīk daripada Abu Hurairah ini bukan semata-mata berdasarkan ijazah, malah ia telah didengar beliau daripada Abu Hurairah sendiri secara khusus.

¹¹⁹ Tujuan Tirmidzi berkata begini ialah untuk menyatakan ketsiqahannya.

¹²⁰ Maksudnya ialah mana satu daripada dua cara penerimaan hadits, iaitu dengan guru membaca di hadapan murid atau guru memberikan saja kitabnya kepada murid di samping membenarkannya meriwayatkan hadits-hadits yang terkandung di dalam buku tersebut. Bagi Yahya kedua-duanya sama sahaja.

Yahya, “Tidak ada apa. Riwayatnya hanya berpunca daripada sebuah kitab yang diberikan ‘Athā’ kepadanya.”¹²¹

Perkara Ke-tigabelas:

Kehujahan Hadits Mursal

Hadits mursal terbahagi dua:

(1) Mursal ‘Aam (2) Mursal khas.

Mursal ‘Aam ialah hadits yang terputus di mana-mana bahagian sanadnya. Sama ada ia diriwayatkan secara ta’liq, iaitu apabila seseorang pengarang kitab hadits tidak menyebutkan atau menggugurkan seorang atau lebih perawi di permulaan sanad, atau dalam bentuk inqithā’ (munqathi’), iaitu dengan membuang seorang perawi di tengah sanad, atau dalam bentuk i’dhāl, iaitu dengan membuang dua orang atau lebih perawi secara berturut-turut di tengah sanad, atau dalam bentuk irsāl sebenarnya, iaitu dengan menggugurkan nama sahabat yang meriwayatkannya di penghujung sanad.

Semua bentuk-bentuk yang tersebut di atas dalam istilah mutaqqaddimīn disebut mursal. Di dalam enam kitab utama hadits yang terkenal itu banyak sekali digunakan mursal menurut istilah mutaqqaddimīn. Mursal inilah juga yang dimaksudkan oleh Tirmidzi dalam perbincangannya ini.

Mursal khas ialah mursal menurut istilah muta’akhkhirīn, iaitu hadits yang tidak disebutkan nama sahabat yang meriwayatkannya di penghujung sanad. Tābi’i terus meriwayatkan sesuatu hadits daripada Nabi s.a.w. tanpa menyebutkan nama sahabat yang meriwayatkan kepadanya hadits itu.

Perhubungan di antara mursal ‘aam dan mursal khas adalah perhubungan umum khusus mutlaq. Mursal khas tentunya merupakan sebahagian daripada mursal ‘aam. Apabila Imam Tirmidzi membincangkan tentang mursal ‘aam, dengan sendirinya termasuk juga di bawah perbincangannya mursal khas.

¹²¹ Maksud Yahya ialah buku itu diberikan ‘Athā’ kepada Ibnu Juraij tanpa disertai kebenaran meriwayatkan daripadanya. Sebab itulah riwayat Ibnu Juraij daripada ‘Athā’ tidak mu’tabar.

Terdapat perbedaan pendapat tentang kehujahan hadits mursal. Kebanyakan fuqaha' menerimanya sebagai hujah. Kebanyakan muḥaddithīn pula tidak menerimanya sebagai hujah. Perbedaan mereka bukanlah perbedaan dalam erti kata yang sebenarnya. Kerana orang-orang yang menerimanya sebagai hujah tidaklah menerimanya secara mutlaq, dengan erti semua hadits mursal dapat dijadikan hujah. Orang-orang yang tidak menerimanya sebagai hujah juga tidaklah tidak menerimanya secara mutlaq. Mereka juga menerima hadits mursal orang-orang tertentu sebagai hujah dan mu'tabar.

Dalam perbincangan ini Imam Tirmidzi menukilkan pandangan Yahya bin Sa'id al-Qatthān, bahawa bagi beliau hadits-hadits mursal itu tidak sama darjatnya.

Hadits mursal riwayat 'Athā', Abu Ishaq, A'masy, at-Taimi, Yahya bin Abi Katsīr, ats-Tsauri dan Ibnu 'Uyainah dha'if. Sebabnya ialah mereka mengambil riwayat daripada perawi-perawi yang bermacam-macam latar belakangnya. Mereka pula tidak memeriksa dan menapisnya.

Riwayat mursal Mujāhid, Thāwūs, Sa'id bin Jubair, Imam Malik dan Ḥasan al-Bashri pula boleh diterima, kerana mereka memeriksa dan meneliti perawi-perawi yang hendak diambil hadits daripadanya. Mereka pula tidak mengambil hadits-hadits daripada perawi-perawi sembarangan.

Kesimpulannya ialah hadits mursal itu tidak semuanya boleh diterima dan tidak semuanya juga tertolak.

Para Tābi'īn tidak begitu menekankan sangat soal sanad di zaman mereka. Mereka lebih mementingkan hadits yang diterima daripada mana-mana sahabat Rasulullah s.a.w. Hadits-hadits itulah yang dihafal mereka, bukan nama-nama sahabat yang meriwayatkannya. Kerana bagi mereka sahabat Nabi s.a.w. itu semuanya baik dan boleh dipercayai.

Setelah bermula zaman hadits dikemukakan dengan sanad, sukarlah kepada sesetengah mereka menyebut nama sahabat dengan tepat, lalu mereka meriwayatkan hadits-hadits yang diingati dan dihafal mereka terus daripada Nabi s.a.w.

Periwayatan secara mursal oleh para Tabi`in itu sebenarnya bukanlah kerana kecuaiannya atau sikap tak acuh mereka, tetapi kerana keterpaksaan yang dialami mereka pada ketika itu. Ketsiqahan para Tabi`in yang sangat tinggi juga membuatkan kedhaifan jarang-jarang sekali ditemui pada hadits-hadits mursal mereka. Itulah sebabnya Imam Abu Hanifah dan Imam Malik menerima hadits-hadits mursal secara mutlaq.

Setelah zaman Tābi`in berlalu dan bermula zaman Tābi` at-Tābi`in, maka keperluan kepada sanad mulai dirasakan. Sebabnya ialah perawi-perawi hadits pada ketika itu sudah agak ramai dan mereka pula tidak sekuat perawi-perawi sebelumnya. Malah sudah ada di kalangan mereka orang-orang yang sangat bermasalah. Banyak riwayat mursal di zaman itu terbukti dha`if. Maka kajian sanad lebih dirasakan kepentingannya. Kerana itulah Imam asy-Syafi`e dan Imam Ahmad secara umumnya tidak mahu menerima riwayat mursal, kecuali riwayat mursal Tabi`in tertentu sahaja.

Banyak sekali riwayat yang di peringkat awalnya tidak dha`if, kerana perawi-perawinya terdiri daripada orang-orang kuat. Tetapi kemudiannya dikatakan dha`if, kerana ada di bahagian bawah sanadnya perawi yang dha`if. Mungkin juga di bahagian bawahnya terdapat idhthirāb atau inqithā` yang menyebabkan sesuatu hadits dihukum dha`if.

Maka mungkin sekali sesuatu hadits yang telah dijadikan sebagai dalil dan hujah oleh Imam Abu Hanifah atau Imam Malik kerana ia sampai kepada mereka melalui saluran sanad yang kuat, tetapi tidak diterima sebagai dalil dan hujah oleh imam-imam yang datang kemudian daripada mereka. Sebabnya ialah pada sanad selepas Abu Hanifah atau Imam Malik terdapat perawi-perawi yang dha`if.

Perhatian:

Imam Tirmidzi mula-mula sekali nanti akan mengemukakan kata-kata orang-orang yang tidak menerima hadits mursal sebagai hujah. Untuk tujuan itu beliau kemukakan tujuh riwayat. Beliau selepas itu mengemukakan pula sebab kenapa mereka tidak menerimanya. Untuk tujuan itu beliau kemukakan tiga riwayat. Dan akhir sekali beliau kemukakan kata-kata orang yang menerima hadist mursal sebagai hujah. Di bawahnya beliau kemukakan satu sahaja riwayat. Itulah ringkasan kesemua perbincangan Imam Tirmidzi akan datang.

قَالَ أَبُو عِيسَى وَالحَدِيثُ إِذَا كَانَ مُرْسَلًا فَإِنَّهُ لَا يَصَحُّ عِنْدَ أَكْثَرِ أَهْلِ الْحَدِيثِ قَدْ ضَعَفَهُ غَيْرُ وَاحِدٍ مِنْهُمْ

١- حَدَّثَنَا عَلِيُّ بْنُ حَجْرٍ أَخْبَرَنَا بَقِيَّةُ بْنُ الْوَلِيدِ عَنْ عَتَبَةَ بْنِ أَبِي حَكِيمٍ قَالَ سَمِعَ الزُّهْرِيَّ إِسْحَاقَ بْنَ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ أَبِي فَرَوَةَ يَقُولُ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فَقَالَ الزُّهْرِيُّ قَاتَلَكُمُ اللَّهُ يَا بَنِي أَبِي فَرَوَةَ نَجَّيْنَا بِأَحَادِيثٍ لَيْسَتْ لَهَا خَطْمٌ وَلَا أَرْمَةٌ.

٢- حَدَّثَنَا أَبُو بَكْرِ عَنْ عَلِيِّ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ قَالَ قَالَ يَحْيَى بْنُ سَعِيدٍ مَرْسَلَاتٌ مُجَاهِدٌ أَحَبَّ إِلَيَّ مِنْ مَرْسَلَاتِ عَطَاءِ بْنِ أَبِي رَبَاحٍ بِكَثِيرٍ كَانَ عَطَاءٌ يَأْخُذُ عَنْ كُلِّ ضَرْبٍ

٣- قَالَ عَلِيُّ قَالَ يَحْيَى مَرْسَلَاتُ سَعِيدِ بْنِ جُبَيْرٍ أَحَبُّ إِلَيَّ مِنْ مَرْسَلَاتِ عَطَاءٍ

٤- قُلْتُ لِيَحْيَى مَرْسَلَاتُ مُجَاهِدٍ أَحَبُّ إِلَيْكَ أَمْ مَرْسَلَاتُ طَاوُسٍ قَالَ مَا أَقْرَبَهُمَا

٥- قَالَ عَلِيُّ وَسَمِعْتُ يَحْيَى بْنَ سَعِيدٍ يَقُولُ مَرْسَلَاتُ أَبِي إِسْحَاقَ عِنْدِي شَبَهٌ لَا شَيْءَ وَالْأَعْمَشُ وَالتَّيْمِيُّ وَيَحْيَى بْنُ أَبِي كَثِيرٍ وَمَرْسَلَاتُ بَنِي عُيَيْنَةَ شَبَهٌ الرِّيحِ ثُمَّ قَالَ إِي وَاللَّهِ وَسُفْيَانُ بْنُ سَعِيدٍ

٦- قُلْتُ لِيَحْيَى فَمَرْسَلَاتُ مَالِكٍ قَالَ هِيَ أَحَبُّ إِلَيَّ ثُمَّ قَالَ يَحْيَى لَيْسَ فِي الْقَوْمِ أَحَدٌ أَصَحُّ حَدِيثًا مِنْ مَالِكٍ

٧- حَدَّثَنَا سَوَارُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ الْعَنْبَرِيُّ قَالَ سَمِعْتُ يَحْيَى بْنَ سَعِيدٍ الْقَطَّانَ يَقُولُ مَا قَالَ الْحَسَنُ فِي حَدِيثِهِ قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَّا وَجَدْنَا لَهُ أَصْلًا إِلَّا حَدِيثًا أَوْ حَدِيثَيْنِ

Bermaksud: Kata Abu 'Isa at-Tirmidzi: "Hadits kalau mursal ('aam), maka tidak sahih pada pandangan kebanyakan Ahlul Hadits. Bukan seorang (tetapi ramai) dari kalangan mereka mendha'ifkannya.

1- 'Ali bin Hujr meriwayatkan kepada kami, katanya: Baqiyyah bin al-Walid meriwayatkan kepada kami daripada 'Utbah bin Abi Hakim, kata beliau: "Pernah az-Zuhri mendengar Ishaq bin 'Abdillah bin Abi Farwah¹²² berkata, "Rasulullah s.a.w. bersabda, Rasulullah s.a.w. bersabda."¹²³ Maka kata az-Zuhri: "Semoga Allah

¹²² Ishaq bin 'Abdillah bin Abi Farwah al-Umawi, al-Madani at-Tabi'i. Seorang perawi matrūk.

¹²³ Tanpa menyebutkan nama sahabat yang meriwayatkannya.

membinasakanmu wahai anak Abi Farwah! Engkau bawakan kepada kami hadits-hadits yang tidak bertali hidung dan tidak bertali kekang.¹²⁴

2- Abu Bakar meriwayatkan kepada kami daripada `Ali bin `Abdillah, katanya: kata Yahya bin Sa'id: "Hadits-Hadits mursal Mujāhid jauh lebih aku suka berbanding hadits-hadits mursal `Athā' bin Abi Rabāh. `Athā' mengambil (hadits) daripada segala macam orang."¹²⁵

3- `Ali berkata, kata Yahya (lagi): "Hadits-Hadits mursal Sa'id bin Jubair lebih aku suka daripada hadits-hadits mursal `Athā'."¹²⁶

4- (Kata `Ali) Aku bertanya Yahya, "Hadits-Hadits mursal Mujāhidkah lebih engkau suka atau hadits-hadits mursal Thāwūs?" Jawab Yahya, "Alangkah serupanya mursal mereka berdua."¹²⁷

5- `Ali berkata, aku telah mendengar Yahya bin Sa'id berkata, "Hadits-hadits mursal Abi Ishaq bagiku seperti tidak ada apa-apa, demikian juga hadits-hadits mursal al-A'masy, at-Taimi<sup>128</sup> dan Yahya bin Abi Katsir. Hadits-hadits mursal Ibnu `Uyainah seperti angin." Kemudian beliau (Yahya bin Sa'id) berkata, "Ya, demi Allah! Hadits-hadits mursal Sufyan bin Sa'id juga sama."¹²⁹

¹²⁴ Bantahan az-Zuhri terhadap Ibnu Abi Farwah adalah kerana dia menyebarkan hadits tanpa menyebutkan sanadnya. Sikap az-Zuhri ini menunjukkan hadits mursal tidak boleh dijadikan hujah.

¹²⁵ Mujāhid bin Jabr adalah seorang perawi tsiqah yang mulia, beliau juga merupakan salah seorang imam dibidang Tafsir dan fiqh. Daripada kata-kata Yahya bin Sa'id al-Qatthān ini dapat diketahui bahawa bukan semua hadits mursal tidak mu'tabar dan dhaif. Hadits mursal perawi tsiqah yang hanya menggugurkan perawi tsiqah seperti Mujāhid tetap diterima dan dianggap mu'tabar. Berbeda keadaannya dengan hadits mursal `Athā' bin Abi Rabāh, kerana ia dhaif dan tidak mu'tabar.

¹²⁶ Kerana Mujāhid hanya menggugurkan perawi tsiqah sahaja, sedangkan `Athā' pula meriwayatkan hadits-hadits daripada segala macam orang, yang tsiqah dan juga yang dhaif. Riwayatnya dianggap dhaif kerana ada kemungkinan perawi yang digugurkannya itu perawi dhaif.

¹²⁷ Riwayat mursal mereka berdua lebih kurang sama darjatnya. Kedua-duanya boleh diterima.

¹²⁸ Beliau ialah Abu al-Mu'tamir Sulaiman bin Tharkhān at-Taimi al-Bashri.

¹²⁹ Hadits-hadits mursal mereka yang tersebut ini tidak sah. Seperti angin adalah kinayah (bahasa kiasan) bagi lemah (dhaif).

6- Aku bertanya kepada Yahya, bagaimana dengan hadits-hadits mursal Malik? Jawab beliau, “Ia adalah yang paling aku suka.” Kemudian Yahya berkata, “Tidak ada siapa pun di kalangan Ahlul Hadits orang yang haditsnya lebih sahih daripada (hadits) Malik.”

7- Sawwār bin `Abdillāh al-`Ambari meriwayatkan kepada kami, katanya, aku telah mendengar Yahya bin Sa`id al-Qatthān berkata, “Tidak berkata al-Ḥasan ketika meriwayatkan haditsnya “Rasulullah s.a.w. bersabda”, melainkan kami dapati ada asalnya, kecuali satu atau dua hadits sahaja.

قَالَ أَبُو عِيسَى وَمِنْ ضَعْفِ الْمُرْسَلِ فَإِنَّهُ ضَعْفٌ مِنْ قَبْلِ أَنْ هَؤُلَاءِ الْأَيْمَّةُ حَدَّثُوا عَنِ الثِّقَاتِ وَغَيْرِ الثِّقَاتِ فَإِذَا رَوَى أَحَدُهُمْ حَدِيثًا وَأَرْسَلَهُ لَعَلَّهُ أَخَذَهُ عَنْ غَيْرِ ثِقَةٍ

١- قَدْ تَكَلَّمَ الْحَسَنُ الْبَصْرِيُّ فِي مَعْبَدِ الْجُهَنِيِّ ثُمَّ رَوَى عَنْهُ حَدَّثَنَا بَشَرُ بْنُ مَعَاذٍ الْبَصْرِيُّ حَدَّثَنَا مَرْحُومُ بْنُ عَبْدِ الْعَزِيزِ الْعَطَّارُ حَدَّثَنِي أَبِي وَعَمِّي قَالَا سَمِعْنَا الْحَسَنَ يَقُولُ إِنَّا كُنَّا وَمَعْبَدِ الْجُهَنِيِّ فَإِنَّهُ ضَالٌّ مُضِلٌّ

٢- قَالَ أَبُو عِيسَى وَيُرْوَى عَنِ الشَّعْبِيِّ حَدَّثَنَا الْحَارِثُ الْأَعْوَرُ وَكَانَ كَذَابًا وَقَدْ حَدَّثَ عَنْهُ وَأَكْثَرَ الْفَرَائِضِ الَّتِي تَرَوْنَهَا عَنْ عَلِيٍّ وَغَيْرِهِ هِيَ عَنْهُ وَقَدْ قَالَ الشَّعْبِيُّ الْحَارِثُ الْأَعْوَرُ عَلِمَنِي الْفَرَائِضُ وَكَانَ مِنْ أَفْرَاضِ النَّاسِ

٣- قَالَ وَسَمِعْتُ مُحَمَّدَ بْنَ بَشَارٍ يَقُولُ سَمِعْتُ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مَهْدِيٍّ يَقُولُ أَلَا تَعْجَبُونَ مِنْ سُفْيَانَ بْنِ عُيَيْنَةَ لَقَدْ تَرَكْتُ لَجَابِرِ الْجُعْفِيِّ بِقَوْلِهِ مَا حَكَى عَنْهُ أَكْثَرَ مِنْ أَلْفِ حَدِيثٍ ثُمَّ هُوَ يَحْدُثُ عَنْهُ قَالَ مُحَمَّدُ بْنُ بَشَارٍ وَتَرَكَ عَبْدِ الرَّحْمَنِ بْنِ مَهْدِيٍّ حَدِيثَ جَابِرِ الْجُعْفِيِّ

Sebab Kedha'ifan Hadits Mursal

Bermaksud: Kata Abu `Isa at-Tirmidzi: “Orang yang mendhaifkan hadits mursal sebenarnya mendhaifkannya kerana imam-imam hadits (tertentu) meriwayatkan daripada orang-orang yang tsiqāt dan juga tidak tsiqāt. Apabila seseorang daripada mereka meriwayatkan sesuatu hadits dengan mengirsalkannya, maka mungkin juga dia telah menerimanya daripada orang yang tidak tsiqah.

1- Al-Ĥasan al-Bashri telah mempertikaikan Ma'bad al-Juhani,¹³⁰ kemudian beliau meriwayatkan pula daripadanya.¹³¹

Bisyar bin Mu'adz al-bashri meriwayatkan kepada kami, katanya: Marhūm bin Abdil 'Azīz al-'Athār meriwayatkan kepada kami, katanya: Ayahku dan pak cikku meriwayatkan kepadaku, kata mereka berdua: kami telah mendengar al-Ĥasan berkata: “Jauhilah Ma'bad al-Juhani, sesungguhnya dia sesat lagi menyesatkan.”

2- Kata Abu 'Isa at-Tirmidzi: Diriwayatkan daripada asy-Sya'bi,¹³² katanya: al-Ĥārīts al-A'war¹³³ meriwayatkan kepada kami”. Sedangkan dia seorang pendusta besar. Walaupun begitu dia (asy-Sya'bi) tetap meriwayatkan hadits daripadanya.¹³⁴ Kebanyakan hadits farā'idh yang kamu lihat diriwayatkan daripada 'Ali dan orang-orang lain itu adalah melaluinya. Kata asy-Sya'bi, “Al-Ĥārīts al-A'war telah mengajar aku ilmu Farā'idh. Dia antara orang yang paling pandai ilmu Farā'idh.”

3- Aku mendengar Muhammad bin Basysyār berkata, aku mendengar 'Abdur Rahman bin Mahdi berkata, “Tidakkah kamu hairan terhadap Sufyan bin 'Uyainah? Aku telah meninggalkan lebih seribu hadits Jābir al-Ju'fi kerananya, apabila dia menceritakan

¹³⁰ Beliau ialah Ma'bad bin Khalid al-Juhani. Salah seorang tokoh yang berfahaman Qadariyyah, iaitu satu golongan yang tidak menerima taqdir sebagai ketentuan Allah s.w.t.

¹³¹ Walau Ĥasan al-Bashri telah berkata sampai begitu sekali tentang Ma'bad, tetapi beliau sendiri meriwayatkan juga hadits-hadits daripadanya. Ini menunjukkan tokoh-tokoh besar seperti Ĥasan al-Bashri juga menerima riwayat daripada orang-orang yang bermacam-macam latar belakangnya, termasuk daripada perawi-perawi sesat seperti Ma'bad al-Juhani. Inilah antara sebab kenapa hadits mursal Ĥasan al-Bashri dianggap dhaif oleh para ulama hadits.

¹³² Beliau ialah 'Aamir bin Syurāhīl asy-Sya'bi. Seorang tokoh yang setanding dengan Ibrahim an-Nakha'i. Sya'bi terbilang sebagai salah seorang imam mujtahid di Kufah.

¹³³ Ĥārīts bin 'Abdillah al-Hamdāni al-Kūfi. Al-A'war itu adalah gelarannya. Dikatakan al-A'war kerana sebelah matanya buta. Dia terbilang salah seorang murid Saiyyidina 'Ali r.a.

¹³⁴ Ini menunjukkan orang-orang besar seperti Sya'bi juga meriwayatkan hadits daripada perawi-perawi yang lemah.

tentang Jābir kepadaku.¹³⁵ Kemudian dia sendiri pula meriwayatkan hadits daripadanya.”¹³⁶

‘Abdur Rahman bin Mahdi telah meninggalkan hadits Jābir al-Ju‘fi.

وَقَدْ اخْتِجَ بَعْضُ أَهْلِ الْعِلْمِ بِالْمُرْسَلِ أَيْضًا:

حَدَّثَنَا أَبُو عُبَيْدَةَ بْنُ أَبِي السَّفَرِ الْكُوفِيُّ حَدَّثَنَا سَعِيدُ بْنُ عَامِرٍ عَنْ شُعْبَةَ عَنْ سُلَيْمَانَ الْأَعْمَشِ قَالَ قُلْتُ لِإِبْرَاهِيمَ النَّخَعِيِّ أَسْنَدَ لِي عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مَسْعُودٍ فَقَالَ إِبْرَاهِيمُ إِذَا حَدَّثَكَ عَنْ رَجُلٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ فَهُوَ الَّذِي سَمِعْتَ وَإِذَا قُلْتُ قَالَ عَبْدُ اللَّهِ فَهُوَ عَنْ غَيْرِ وَاحِدٍ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ

Alasan Orang-Orang Yang Menerima Hadits Mursal

Bermaksud: (Kata Abu ‘Isa at-Tirmidzi) Ada juga sesetengah ahli ilmu berhujah dengan hadits mursal (seperti mereka berhujah dengan hadits musnad).

Abu ‘Ubaidah bin Abi as-Safar al-Kufi meriwayatkan kepada kami, katanya: Sa‘id bin ‘Aamir meriwayatkan kepada kami daripada Syu‘bah daripada Sulaiman al-A‘masy, katanya: Aku berkata kepada Ibrahim an-Nakha‘i, “Ceritakan kepadaku sanad daripada ‘Abdillah bin Mas‘ud.”¹³⁷ Maka berkata Ibrahim, “Apabila aku meriwayatkan kepadamu daripada seseorang daripada ‘Abdillah, maka dia adalah orang yang aku sebutkan namanya. Dan apabila aku berkata, “Kata ‘Abdullah”, maka ia adalah daripada bukan seorang (beberapa) perawi daripada ‘Abdillah.”¹³⁸

¹³⁵ Sufyan bin ‘Uyainah telah menceritakan kepada ‘Abdur Rahman bin Mahdi bahawa Jābir al-Ju‘fi berpegang kepada ‘aqidah raj‘ah. Dia percaya Saiyyidina ‘Ali akan datang kembali ke dunia setelah beliau dihidupkan semula. Raj‘ah adalah salah satu ‘aqidah Syi‘ah yang melampau.

¹³⁶ Riwayat yang dikemukakan oleh Tirmidzi ini menunjukkan tokoh-tokoh besar seperti Ibnu ‘Uyainah juga meriwayatkan hadits daripada perawi-perawi yang tidak tsiqah, bahkan perawi-perawi pereka hadits. Kerana itu hadits mursal langsung tidak boleh dijadikan hujah.

¹³⁷ Kerana engkau sendiri tidak sempat bertemu Ibnu Mas‘ud, jadi melalui siapakah engkau mendapat riwayat Ibnu Mas‘ud itu?

¹³⁸ Riwayat ini menunjukkan apabila Ibrahim an-Nakha‘i meriwayatkan secara mursal daripada Ibnu Mas‘ud, maka yang dgugurkannya ialah beberapa orang muridnya tsiqah. Kerana itu riwayat mursal Ibrahim dianggap kuat dan boleh diterima.

Kesimpulannya ialah penentu bagi kuat atau tidak kuatnya hadits mursal terletak pada perawi yang digugurkan. Jika perawi yang digugurkan diketahui dengan pasti seorang yang memang tsiqah dan kuat, maka riwayat mursal itu kuat dan boleh diterima. Sebaliknya hadits mursal akan dikira lemah jika perawi yang digugurkan tidak diketahui.